



ISMAIL, dan pegawai Kastam Perlis menunjukkan peranti vape dan perkakasannya yang dirampas di sebuah gudang di Kampung Kolam, Padang Besar berhampiran RM12 juta.

Suspek berusia 19 tahun disyaki jadi peniaga gudang ditahan

Oleh Aizat Sharif
am@hmetro.com.my

Padang Besar

Seorang remaja ditahan dan 517,394 perkasannya bernilai lebih RM12 juta dirampas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Perlis di sebuah gudang di Padang Besar minggu lalu.

Serban dilakukan di Kampung Kolam oleh Cawangan Penguatkuasaan Kastam Padang Besar se-

lepas melakukan risikan dan intipan di kawasan itu.

Pengarahnya, Ismail Hashim berkata, suspek berusia 19 tahun ditahan, dipercayai menjadi peniaga gudang berkenaan yang dimiliki oleh bapanya.

“Siasatan awal kita mendapati gudang berkenaan dijadikan sebagai transit untuk menyeludup peranti vape serta perkakasan barangan itu ke Thailand di mana semua peranti vape ini diperolehi dari China.

“Vape ini kemudian di-

ambil di Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA) sebelum dibawa ke gudang itu untuk disimpan sebagai transit sebelum dibawa masuk secara haram oleh pihak atau lori kontena.

“Seperti yang kita tahu kerajaan Thailand melarang penggunaan vape di negara itu namun ia tetap mendapat permintaan di pasaran gelap negara berkenaan,” katanya pada sidang media semalam.

Katanya, modus operandi yang digunakan adalah menyimpan peranti vape ber-

kenaan di dalam gudang tanpa sebarang dokumen pengimportan rasmi.

“Hasil pemeriksaan kita mendapati pihak terbabit gagal mengemukakan dokumen pengimportan dan bukti pembayaran cukai yang sah.

“Selain itu juga, kita difahamkan bahawa sekiranya peranti vape ini gagal atau sukar dibawa masuk ke Thailand menggunakan laluan sempadan Malaysia-Thailand di Perlis, sindiket akan mengalihkan perjalanan mereka untuk

tetap memasuki negara menggunakan laluan lantan pula.

“Jumlah keseluruhan rampasan adalah RM12,385,095,” kata Ismail berkata, siasatan berkenaan akan terbesar di Perlis tahun dan kes masih dalam proses mengikut Seksyen 13(1)(f) Akta Kastam 1986 untuk membolehkan denda sekurang-kurangnya RM500,000 atau maksimum tujuh tahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan

RAMPAAS PERANTI VAPE RM12 JUTA